


PROSES KERJA PERMOHONAN CADANGAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) DAN MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA) DI ANTARA UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA DAN PIHAK LUAR



Glosari

PTj	: Pusat Tanggungjawab
PNC HIM	Penolong Naib Canselor Hubungan Industri dan Masyarakat
PHI	: Pejabat Hubungan Universiti dan Industri UTHM
LPU	: Lembaga Pengarah UTHM
PRO	: Unit Perhubungan Awam UTHM

Proses Kerja :

1. Pihak PTj perlu mengadakan perbincangan bersama institusi/organisasi luar berhubung bidang kerjasama yang akan dilaksanakan oleh kedua-dua belah pihak.
2. Pihak PTj perlu memastikan bahawa draf kandungan MoU/MoA tersebut telah disemak dan dipersetujui oleh institusi/organisasi terbabit sebelum penyediaan kertas cadangan.
3. Format kertas cadangan perlu mengambilkira beberapa perkara tersebut :
 - a) Tujuan
 - b) Latarbelakang institusi/organisasi terbabit
 - c) Latarbelakang kerjasama
 - Perbincangan awal kesediaan mengadakan MoU/MoA antara dua pihak
 - Aktiviti/program yang telah dilaksanakan
 - Perancangan aktiviti/program akan datang
 - d) Bidang kerjasama
 - e) Tempoh MoU/MoA
 - f) Implikasi Kewangan
 - g) Faedah MoU/MoA kepada universiti
 - h) Pegawai bertanggungjawab/pegawai penyelaras
 - i) Cadangan majlis menandatangani MoU/MoA
4. Setiap permohonan kertas cadangan MoU/MoA perlu dibentangkan kepada Penolong Naib Canselor (Hubungan Industri dan Masyarakat) untuk sokongan sebelum dibawa ke **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif UTHM**.
5. Setiap permohonan kertas cadangan untuk melaksanakan MoU/MoA yang melibatkan institusi/organisasi dalam atau luar negara perlu mendapat kelulusan **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif UTHM** dan **Mesyuarat Lembaga Pengarah UTHM**.
6. Sebarang penganjuran/penglibatan berkenaan majlis menandatangani atau majlis penyerahan MoU/MoA yang berkaitan hanya boleh dilaksanakan setelah mendapat kelulusan daripada **Mesyuarat Lembaga Pengarah UTHM**.

Nota :

1. **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif UTHM** akan bersidang sebanyak dua (2) kali sebulan berdasarkan kepada takwim yang dikeluarkan oleh pihak sekretariat. Sebarang pindaan tarikh adalah tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa.
2. **Mesyuarat Lembaga Pengarah UTHM** akan bersidang untuk tempoh tiga (3) bulan sekali berdasarkan kepada takwim yang dikeluarkan oleh pihak sekretariat. Sebarang pindaan tarikh adalah tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa.

Takwim Permohonan Hubungan Kerjasama Universiti

Tindakan	2013			
<ul style="list-style-type: none">• Permohonan PTj ke Pejabat Hubungan Universiti dan Industri• Permohonan kelulusan Jawatankuasa Eksekutif Universiti	Jan - Feb	Mac - April	Mei - Julai	Ogos - Nov
Permohonan kelulusan/ makluman LPU	Sesi Mac	Sesi Mei	Sesi Ogos	Sesi Disember